

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2000/2001**

**SEPTEMBER/OKTOBER 2000**

**RHS 502 – PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja.

**BAHAGIAN A**

1. Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah positif dalam isu perumahan. Dengan mengutarakan konsep “centralisasi”. Jelaskan faktor-faktor yang berhubung dengan polisi, fizikal dan kewangan dalam membantu rakyat dalam perkara ini.

**(20 MARKAH)**

2. Perumahan bukanlah sesuatu produk sebaliknya merupakan satu proses. Berdasarkan kepada pendapat Turner dan Habraken dan bincangkan pendapat di atas.

**( 20 MARKAH )**

3. Memang lumrah manusia inginkan perumahan terbaik tetapi keperluan tersebut biasanya terbatas kepada sumber-sumber terhad.

Pembekalan perumahan baik sektor awam atau swasta bertindak dalam lingkungan kepentingan masing-masing untuk mengoptimalkan pencapaian keperluan perumahan golongan untuk berpendapatan rendah sentiasa wujud, terutama di negara-negara sedang membangun.

Bincangkan bagaimana ini berlaku dan pendekatan yang berkesan boleh dilakukan.

**(20 MARKAH)**

(20 MARKAH)

4. Statistik menunjukkan bahawa "bilangan rumah yang ada dalam pasaran sepanjang 1997 – 2000 adalah melebihi dari bilangan yang diminta. Adakah ini bermakna sasaran kerajaan untuk menyediakan perumahan kepada rakyatnya telah dipenuhi. Bincangkan.

(20 MARKAH)

5. Persoalan tentang kaedah "Bina dan Jual" banyak diperkatakan pada masa kini sebagai satu cara yang sesuai untuk melindungi hak-hak pembeli. Pada pandangan anda apakah kelebihan kaedah ini berbanding kaedah "Jual dan Bina" yang diamalkan sekarang?

(20 MARKAH)

6. a) Pada Pendapat anda, apakah tujuan "pembangunan" didalam sektor perumahan?  
b) Apakah pertimbangan-pertimbangan penting yang mesti diberikan tumpuan untuk mencapai tujuan di atas?

(20 MARKAH)